

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 28 NOVEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 1 (A170)**

Apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri dalam usaha membawa lebih ramai pelancong khususnya pelancong dari negara jiran untuk berkunjung ke DUN Tenang bagi merancakkan ekonomi penduduk setempat.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 2 (A59)**

Dalam mempromosikan Sedili di persada pelancongan, adakah kerajaan negeri mempunyai perangkaan membawa Sedili dalam rancangan Tahun Melawat Johor pada tahun 2026 dan bagaimanakah ianya dapat direalisasikan dalam kawasan DUN Sedili?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 3 (A156)**

Minta dinyatakan usaha terkini yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam meningkatkan kemajuan sektor pelancongan di kawasan Daerah Kota Tinggi khususnya di DUN Johor Lama menjelang tahun melawat Negeri Johor 2026?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 4 (A195)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor meletakkan Bekok salah satu kawasan pelancongan untuk dinaiktaraf bagi menarik minat pelancong berlibur di Bekok?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 5 (A120)

Apakah perancangan negeri Johor bagi menghadapi Tahun Melawat Johor 2026 dan berapakah jumlah sasaran pengunjung yang disasarkan bagi Tahun Melawat Johor 2026?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 6 (A84)

Kesan tempat-tempat bersejarah di Daerah Kota Tinggi masih belum dipugar sepenuhnya, lama-kelamaan boleh hilang lenyap atau terbiar begitu sahaja. Apa perancangan kerajaan untuk menjadikan kawasan-kawasan berkenaan sebagai lokasi serta tema baharu untuk mengamit pelancongan domestik dan pelancong luar.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 7 (A158)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk mempromosikan dan meningkatkan pelancongan di Daerah Tangkak?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 8 (A10)

Apakah peranan yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi mempromosi, mengangkat dan memartabatkan Bandar Maharani sebagai sebuah Bandar Di Raja di dalam Negeri Johor dalam kalendar pelancongan negeri.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 9 (A31)

Muar sebagai salah satu destinasi pelancongan tempatan dan luar terutama di Kawasan Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang sebagai pusat rekreasi. Adakah terdapat perancangan daripada kerajaan negeri untuk menambah infrastruktur seperti tandas awam dan surau di tempat tersebut?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 10 (A69)

Minta dinyatakan usaha kerajaan negeri untuk memperluaskan kepelbagaian teknologi dalam sektor pertanian, khususnya dalam memperkenalkan lebih banyak perkakasan dan teknologi pintar bagi meningkatkan keterjaminan bekalan makanan di Johor.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 11 (A188)

Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan penggunaan teknologi dan mekanisasi sektor pertanian dalam kalangan petani?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 12 (A44)

Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Ranhill SAJ mengenai isu tekanan air rendah terutamanya waktu puncak di kawasan sekitar Kampung Melayu Kukup dan Kukup Laut yang sering kali di hadapi penduduk di sana?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 13 (A177)

Daerah Johor Bahru begitu pesat pembangunannya. Berapa banyakkah rumah RMMJ, RSK, RTK dibina dan berapa buah telah dibina dalam DUN Kota Iskandar.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 14 (A86)

TVET merupakan proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang. Apakah jaminan kerajaan bagi memastikan kesemua peserta di dalam program ini mendapat pekerjaan mengikut kemahiran mereka memandangkan kebanyakan majikan lebih mengutamakan pekerja asing.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 15 (A5)

Berapakah orang atlet dari Daerah Segamat dipilih untuk belajar di sekolah sukan dalam tahun 2024?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 16 (A187)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam menyebarkan advokasi kesedaran dan pendidikan mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Akta Anti Gangguan Seksual 2022 kepada masyarakat umum?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 17 (A40)

Pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara(pembakaran haram), pencemaran air, pencemaran bau dan pembuangan sampah sering terkait dengan kilang tidak berlesen atau kilang yang tidak dipantau pihak berkuasa. Mohon berikan statistik berkenaan jumlah kilang haram yang ada dan tindakan yang diambil.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 18 (A97)

Apakah tindakan yang boleh diambil jika sesuatu kawasan khususnya kawasan kediaman dilanda pencemaran bau terutamanya bau dari bahan kimia yang kuat.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 19 (A191)

Nyatakan status Jawatankuasa Khas yang dibentuk untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang kerap berulang di negeri ini.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 20 (A43)

Sejauh manakah usaha yang telah dilakukan oleh MAINJ dalam mendepani isu ajaran sesat dan juga pengabaian terhadap kanak-kanak serta penggunaan buruh paksa terutamanya di Negeri Johor memandangkan isu ini telah tersebar luas melalui satu syarikat atau organisasi?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 21 (A110)

Senaraikan hotspot dan nyatakan rancangan serta usaha mengatasi kesesakan lalu lintas yang semakin serius di kawasan Johor Bahru dan Pasir Gudang.

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 22 (A154)

Mohon Kerajaan Negeri mewujudkan fasiliti Track Olahraga di Kawasan DUN Johor Lama, ini kerana kebanyakan pelajar akan ke Bandar Penawar dan menggunakan pakai Track Olahraga di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail bagi kegunaan aktiviti latihan mereka.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 23 (A131)

Nyatakan perancangan kerajaan negeri bagi memastikan kemudahan pengecas kenderaan elektrik yang mencukupi di seluruh negeri sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 24 (A79)

Bagaimana keberkesanan program Job Coach di PKPDK telah membantu pelatih OKU PDK untuk mendapat pekerjaan sehingga sekarang? Apakah ada perancangan untuk meluaskan lagi program ini ke seluruh PKPDK di negeri Johor khususnya di DUN Tiram?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 25 (A123)

Adakah rumah mampu milik berdekatan Kg Sri Makmur, Plentong yang akan dibina masih berharga RM150 ribu?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 26 (A153)

Masalah kekurangan van ambulans di Klinik Kesihatan Felda Air Tawar 2 menyukarkan pergerakan pesakit, ini kerana keperluan penggunaannya dalam satu-satu masa adalah sangat tinggi. Mohon pihak Kerajaan Negeri dapat mengatasi masalah ini segera dengan penambah jumlah van ambulans.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 27 (A19)

Sila nyatakan persiapan agensi-agensi kerajaan khususnya pihak persekolahan susulan pengumuman cuti minggu negeri kembali kepada Sabtu dan Ahad bermula 1 Januari 2025 oleh DYAM Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 28 (A47)

Apakah jaminan kerajaan negeri untuk memastikan rakyat Bangsa Johor mendapat manfaat dan peluang pekerjaan daripada JS-SEZ yang akan ditandatangani kelak?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 29 (A151)

Apakah tindakan dan usaha pihak PBT/KEJORA dalam memastikan keberkesanan penyelenggaraan lampu-lampu solar dibawah kawasan mereka? Kebanyakan masalah yang berlaku adalah tiang lampu ada, tetapi lampu tidak menyala. Akhirnya, kawasan yang terlibat kekal bergelap tanpa ada lampu.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 30 (A45)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menaikkan elaun Ketua Kampung pada tahun hadapan serta memanjangkan tempoh tugas Ketua Kampung supaya selari dengan tempoh perkhidmatan Wakil Rakyat selama 1 penggal?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 31 (A175)

Apakah *standard operation procedure* kecekapan syarikat konsesi yang dipertanggungjawabkan mengambil tindakan terhadap kerosakan jalan, kerja menaik taraf sesuatu projek jalan dan sebagainya serta apakah standard kualiti yang ditetapkan agensi kerajaan berkaitan ketahanan kerja baik pulih atau naik taraf projek yang dilaksanakan syarikat konsesi.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 32 (A24)

Apakah garis masa dan prosedur yang ditetapkan kepada pihak konsesi dan agensi terlibat dengan PBT dalam menyegerakan pelaksanaan kerja-kerja kecemasan / aduan kecemasan yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 33 (A163)

Mohon senaraikan jumlah tunggakan cukai taksiran dan tunggakan denda mengikut PBT bagi tahun 2023 dan 2024?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 34 (A169)

Apakah terdapat sebarang perancangan kerajaan negeri bagi menggantikan paip utama SAJ Ranhill yang lama dengan paip baharu di kawasan DUN Tenang berikutan sering berlaku gangguan bekalan akibat paip utama pecah.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 35 (A178)

Apa langkah jangka masa panjang dan pendek kerajaan dalam menjamin pendapatan dan aktiviti nelayan persisiran pantai di kawasan Johor Selatan dan Kota Iskandar khasnya tidak terjejas akibat terkesan dengan rancangan SFZ di Forest City serta projek penambahan kawasan Pelabuhan PTP.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 36 (A83)

Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan gaji premium yang memberi kesan dan impak positif khususnya kepada penduduk bandar. Apakah kesan kepada jurang pendapatan kepada masyarakat luar bandar?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 37 (A143)

Dasar gaji premium yang diumumkan tempohnya hari memberi khabar gembira buat anak Johor. Namun begitu adakah ia terpakai di semua sektor pekerjaan ataupun sektor tertentu. Dibimbangi wujud kesenjangan pendapatan yang amat ketara dalam kalangan graduan sekiranya ia hanya melibatkan sektor tertentu.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 38 (A176)

Adakah terdapat pelan khusus bagi menggalakkan pusat data menggunakan sumber tenaga diperbaharui seperti tenaga solar atau tenaga angin dan adakah insentif yang akan ditawarkan untuk tujuan ini.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 39 (A206)

Apakah jaminan pihak Kerajaan Negeri Johor bahawa insentif yang diberikan tidak akan merugikan syarikat tempatan dan bagaimana ia dapat memastikan manfaatnya turut dirasakan oleh ekonomi tempatan tanpa menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi antara syarikat multinasional dan perniagaan tempatan?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 40 (A116)

Adakah negeri mewujudkan Tabung Bencana Negeri dan bagaimana cara tata kelolaannya?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 41 (A184)

Menjelang Monsun Timur Laut, mohon kerajaan negeri menjelaskan mekanisme yang akan digunakan bagi kerja-kerja penyaluran bantuan kepada mangsa sekiranya berlaku bencana banjir.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 42 (A81)

Bagaimanakah penyelarasan semula cuti hujung minggu Johor kepada hari Sabtu dan Ahad akan memberi impak terhadap rakyat dan apakah persiapan kerajaan bagi menghadapi pertukaran hari bekerja ini nanti

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 43 (A218)

Dalam Bajet 2025 kerajaan pusat memperuntukkan RM25 juta kepada Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) bagi mengatasi karenah birokrasi di semua agensi kerajaan. Apa tindakan susulan kerajaan Johor untuk mengatasi masalah yang sama?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024.

----- (Penggulangan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Ahad, 1 Disember 2024, jam 9:30 pagi.